

Isu kecil undang pelbagai masalah



■ Keadaan sistem perparitan yang tersumbat menyebabkan limpahan ke jalan raya, seterusnya mengganggu kelancaran lalu lintas.

SUNGAI RAMBAI – Penduduk di salah sebuah perumahan di Sungai Rambai mengharapkan kerjasama pihak bertanggungjawab untuk meningkatkan pemantauan terhadap perparitan di setiap taman perumahan.

Seorang penduduk, Rabiah Ahmad, 46, berkata, perparitan di taman perumahan berkenaan perlu diperbaiki kerana apabila hujan lebat, air tidak dapat mengalir dengan sempurna.

Menurutnya, kawasan berkenaan yang mempunyai deretan rumah yang terlalu banyak mengundang masalah hakisan, sekali gus bau busuk yang turut mengganggu hampir sebahagian penduduk di kawasan berkenaan.

“Kita berharap perparitan dapat diselenggarakan secara berkala supaya pihak berkenaan dapat memastikannya punca berlakunya banjir.

“Selain itu, kawasan tanah rendah di beberapa kawasan juga mengundang risiko hakisan tanah, selain memberi masalah lalu lintas,” katanya kepada Sinar Harian.

Jamaludin Siaji, 61, berkata, kawasan berkenaan juga perlu dibersihkan setiap kali hujan.

Menurutnya, ia menyusahkan penduduk yang terpaksa bersedia bencana banjir yang menyebabkan kerugian ribuan ringgit.

“Dalam pada itu, sehingga kini masih terdapat takungan air di belakang kawasan taman perumahan berkenaan akibat pengaliran air tidak sempurna.

“Pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah untuk melihat sendiri keadaan perparitan yang ada di setiap kawasan taman perumahan bagi memberi keselesaan kepada penduduk,” katanya.